

20 NOV 1997

DEWAN PERLIS BENTANG USUL SOKONG PM

KANGAR, 20 Nov (Bernama) -- Dewan Undangan Negeri Perlis akan membentangkan usul khas menyokong penuh kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, beliau sendiri akan mengemukakan usul itu pada hari pertama mesyuarat berkenaan 22 November ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri di bilik mesyuarat pejabat Menteri Besar di sini petang ini, beliau berkata, keputusan sebulat suara dicapai dalam mesyuarat itu mengenai sokongan UMNO negeri kepada Perdana Menteri.

Shahidan yang juga Ketua Perhubungan UMNO Negeri menegaskan, UMNO negeri bertanggungjawab memberi sokongan kepada Perdana Menteri dalam menangani masalah kewangan negara masa kini kerana jika rakyat menyokong semasa mewah, wajar juga turut bersama beliau semasa dalam kesusahan.

UMNO Perhubungan negeri juga membuat keputusan mengutuk sekeras-kerasnya sekumpulan kecil anggota Kongres Amerika yang meminta Dr Mahathir memohon maaf ataupun meletakkan jawatan kerana mendakwa mengeluarkan kata-kata berunsur anti Yahudi, katanya.

Menteri Besar berkata, perbuatan kumpulan itu bukan sahaja menunjukkan mereka yang terbabit cuba campur tangan dengan urusan dalam negeri di Malaysia, tetapi sekaligus mencabar kedaulatan negara ini dan menampakkan kesombongan mereka seolah-olah mahu menguasai dunia. -- BERNAMA

RIS PR